

'Paku Piai jadi Tanjung Piai'

BH 03/10/2019 ms 17

Penghujung selatan benua Asia tarikan pelancong ke Johor

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

Pontian: Sejak sekian lama, Tanjung Piai dikenali dengan julokan penghujung selatan benua Asia dan menjadi tarikan utama kedatangan pelancong tempatan dan antarabangsa.

Terletak kira-kira 75 kilometer dari bandar raya Johor Bahru, Parlimen Tanjung Piai yang berkeluasan kira-kira 80 kilometer persegi dipecahkan kepada dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu Kukup dan Pekan Nanas.

Bagi mereka dari luar Pontian dan Johor, untuk sampai ke Tanjung Piai dari Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) lebih mudah menggunakan susur keluar ke Simpang Renggam menuju Benut, sebelum ke Pontian dan kemudian menghala Kukup.

Mengikut sejarah, Tanjung Piai mendapat nama sempena tumbuhan tempatan dikenali sebagai pokok paku piai, selain banyak kawasan hutan bakau yang luas di kawasan berkenaan.

Sebahagian besar pekerjaan hampir 70,000 penduduk di Tanjung Piai, terutama kawasan Kukup adalah nelayan dan pekebun kecil berikutan kawasannya yang hampir dengan pantai dan tanah gambut.



Pekan Nanas berdepan masalah kesesakan susulan pembangunan pesat di kawasan sekitar.

Pekan Nanas adalah penempatan yang wujud pada zaman darurat dengan jumlah penduduknya lebih 20,000 orang.

Kini, kawasan Pekan Nanas berdepan masalah kesesakan susulan pembangunan pesat di kawasan sekitar, termasuk Iskandar Puteri dan Kangkar Pulai, selain penempatan kawasan industri yang ditumpukan di sana.

Ini berbeza dengan Kukup, yang masih banyak penempatan kampung, selain menempatkan jeti nelayan bagi membawa naik hasil laut, namun kini isu dihadapi komuniti nelayan adalah masalah hasil tangkapan yang kian merosot akibat pembangunan sisa di sekitar kawasan berkenaan.

Antara lokasi perkampungan di situ ialah Bandar Permas, Kam-



Taman Negara Tanjung Piai tarikan utama pelancong tempatan dan antarabangsa. (Foto hiasan)

pung Permas Kechil, Kampung Sungai Durian, Kampung Sungai Kualiti dan Kampung Serkat Barat.

Kukup mempunyai sebuah jeti atau pangkalan bot nelayan dan feri menuju Tanjung Balai di Pulau Karimun, Indonesia.

Berdasarkan maklum balas setempat, Kukup dikatakan sesuai dijadikan jeti atau pangkalan nelayan kerana dilindungi angin kencang oleh Pulau Kukup, manakala ramai penduduknya bekerja dalam sektor perikanan serta pertanian dengan mengusahakan tanaman kelapa sawit.

Kawasan hutan bakau banyak didapati di pantai Tanjung Piai yang membentuk koridor paya bakau menyambungkan Pulau Kukup dengan tanah lembap Sungai Pulai.

Ia sudah diwartakan sebagai Hutan Simpan Paya Bakau oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Taman Negara Tanjung Piai adalah tarikan utama di sini, dengan keluasan 526 hektar kawasan bakau dan 400 hektar kawasan tanah lembut dan berlumpur selain hampir 30 spesies tumbuhan bakau.

Sebuah mercu tanda dibina bersebelahan pintu masuk ke Taman Negara Tanjung Piai bagi menggambarkan kedudukannya sebagai 'tanah paling selatan benua Asia'.

Bagaimanapun, pantai di Tanjung Piai berdepan masalah hakisan yang bermula sejak 1970-an dan dikatakan semakin serius apabila jarak hakisan kian ketara disebabkan pelbagai faktor, termasuk lalu lintas kapal dagang yang semakin bertambah di Selat Melaka.